

Pendaki maut ketika ekspedisi

24 27/06/05

4:2.

Mayat terpaksa ditinggal kepada Orang Asli

Oleh Mohd Azam Shah Yaacob

GRIK: Mayat Mohd Shahril Othman, 26, yang meninggal dunia ketika menyertai ekspedisi menawan tujuh puncak gunung bagi mencipta nama dalam The Malaysia Book of Records, terpaksa ditinggalkan kepada Orang Asli di Kem Maggi di Gunung Chamah bagi membolehkan jurupandu ekspedisi berkenaan mendapatkan bantuan.

Jurupandu berkenaan, Mohd Izani Zainon, 33, berkata Mohd Shahril meninggal dunia di pangkuannya pada kira-kira jam 3.40 pagi selepas lapan jam meredah hutan untuk membawanya keluar dari hutan itu bagi mendapatkan rawatan.

"Kami bertiga bermalam di Kem Maggi kerana cuaca sudah gelap. Saya menyuap makanan dan air ke mulut Mohd Shahril pada jam 2 pagi kelmarin dan kira-kira jam 3.40 pagi, dia menghembuskan nafas terakhir," katanya kepada penerbit di sini, semalam.

Mohd Shahril yang juga penyelia asrama Universiti Utara Malaysia (UUM) bersama-sama enam pelajar lain ialah wakil UUM yang me-

nyertai ekspedisi menawan tujuh puncak gunung bagi mencipta nama dalam The Malaysia Book of Records.

Gunung berkenaan ialah Gunung Tahan dan Yong Belar di Pahang, Chamah (Kelantan) dan Chamah, Korbu, Gayong Yong Yap dan Ulu Sepat di Perak.

Mohd Shahril yang masih bujang berasal dari Kampung Seberang Terus, Alor Setar, Kedah.

Mohd Izani berkata, dia dan seorang lagi jurupandu, Adam Rohaimy Rais, 31, membawa Mohd Shahril keluar dari hutan itu kerana keadaannya terlalu lemah akibat sesak nafas dan batuk selepas meredah hutan selama tiga hari sejak 21 Jun lalu.

"Kami mengambil keputusan membawa Mohd Shahril keluar dari hutan berkenaan manakala enam lagi anggota ekspedisi yang ditemani seorang Orang Asli meneruskan hasrat menawan gunung berkenaan," katanya.

Beliau berkata, keputusan itu diambil selepas mereka mengadakan perbincangan sebaik tiba di Kem Sungai Teres pada Jumaat lalu.

Katanya, mereka berpisah dengan kumpulan enam pelajar ber-

kenaan kira-kira jam 10.30 pagi. Mohd Izani berkata, mereka tiada pilihan selain meninggalkan mayat mangsa di Kem Maggi untuk mendapatkan bantuan kira-kira jam 6 pagi.

"Kami meneruskan perjalanan sebelum menemui perkampungan Orang Asli iaitu Kampung Kerla. Kami kemudian meminta mereka menghantar kami menaiki bot untuk ke Temenggor.

"Sebaik tiba di Temenggor kami membuat laporan di Balai Polis Bersia kira-kira jam 3 petang kelmarin," katanya.

Sementara itu, Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat membawa keluar mayat Mohd Shahril menggunakan helikopter dari Kem Maggi kira-kira jam 4.15 petang, semalam.

"Mayat mangsa kemudian di bawa ke Hospital Grik kira-kira jam 5.30 petang, semalam untuk dibedah siasat," katanya.

Jurucakap Jabatan Bomba berkata, operasi mencari mangsa bermula jam 8 pagi disertai 18 anggota penyelamat dan Pasukan Gerakan AM (PGA) yang menaiki tiga bot menyusuri sungai berhampiran gunung berkenaan.



IKHWAN MUNIR | BERTTA HARIAN

BANTU: Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat membawa keluar mayat Mohd Shahril menggunakan helikopter dari Kem Maggi, Gunung Chamah kira-kira jam 4.15 petang, semalam.

"Saya menyuap makanan dan air ke mulut Mohd Shahril pada jam 2 pagi kelmarin dan kira-kira jam 3.40 pagi, dia menghembuskan nafas terakhir"

Mohd Izani Zainon
Jurupandu Ekspedisi Mendaki Gunung

UUM/5548/BH/27-06-05/P1 & (2)